



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI KEDAH**

**SIRI 1**





---

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

---

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI KEDAH**

**SIRI 1**





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PEJABAT TANAH DAERAH PENDANG PEJABAT TANAH DAERAH SIK
3	Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan
	MAJLIS DAERAH KUBANG PASU MAJLIS DAERAH PENDANG
16	Pengurusan Perolehan
	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH
26	Pengurusan Perolehan
35	PENUTUP







---

# KATA PENDAHULUAN

---




---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan "*AG's Dashboard*" yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan dan 3 Agensi Kerajaan Negeri Kedah. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 7 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**20 Februari 2015**



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## 1. PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PEJABAT TANAH DAERAH PENDANG PEJABAT TANAH DAERAH SIK - Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan

1.1. Hasil royalti bahan batuan merupakan antara sumber hasil utama Kerajaan Negeri Kedah. Royalti dipungut oleh Pejabat Tanah berdasarkan kadar yang telah diluluskan mengikut kuantiti pemindahan bahan batuan dan galian. Mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965, bahan batuan adalah bermaksud apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang dan cengkerang. Selain itu, apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya, selain daripada bahan yang diiktirafkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan pada masa peraturan itu berkuatkuasa. Negeri Kedah mempunyai 12 buah Pejabat Tanah di setiap Daerah bagi menguruskan pelbagai aktiviti berkaitan dengan pentadbiran tanah dan memungut hasil tanah seperti cukai tanah, premium tanah dan royalti bahan batuan.

1.2. Menurut Seksyen 70 Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pengeluaran, pemindahan pengangkutan bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah bermilik, tanah lombong dan tanah rizab. Mana-mana individu atau badan boleh memohon permit untuk tujuan mengambil dan memindah bahan batuan ini. Hasil daripada pengeluaran permit ini, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) akan mengutip royalti berdasarkan kuantiti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan seperti yang ditetapkan dalam Aturan-Aturan Tanah Kedah Tahun 1966. Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah mengenai peraturan dan garis panduan pemberian permit pengeluaran bahan batuan dalam pentadbiran tanah Negeri diguna pakai merangkumi kuasa meluluskan permit, tempoh permit, pelanjutan tempoh permit, pengawalan pengeluaran bahan batuan, bayaran royalti dan deposit.

1.3. Bagi tempoh tahun 2011 hingga Ogos 2014, jumlah royalti pengeluaran bahan batuan bagi seluruh Negeri Kedah adalah berjumlah RM63.2 juta atau 15% berbanding jumlah cukai sewa tanah berulang yang berjumlah RM426.5 juta.

1.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan di mana syarat-syarat permohonan dan kelulusan permit telah dipatuhi. Di samping itu, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah telah menubuhkan *One Stop Centre* (OSC) untuk memudah dan mempercepatkan proses permohonan dan

kelulusan permit melibatkan beberapa jabatan teknikal antaranya seperti Jabatan Pengaliran Dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut yang memerlukan tindakan penambahbaikan dalam pengurusan pengeluaran bahan batuan:

- Pengeluaran premix tanpa kebenaran Pejabat Tanah berkaitan.
- Pelanggaran syarat-syarat permit.
- Pemantauan dan penguatkuasaan kurang berkesan.

**1.5.** Pengurusan pengeluaran bahan batuan perlu dipertingkatkan dan diambil tindakan penambahbaikan dengan lebih berkesan. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) serta Pejabat Tanah Daerah (PTD) Pendang dan Sik adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** PTG dan PTD perlu memastikan agar semua syarat-syarat permit dipatuhi serta menetapkan kekerapan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara berkala di semua tapak kuari.

**1.5.2.** Melaksanakan operasi bersepadu sekatan jalan raya secara berkala bersama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengaliran Dan Saliran dan lain-lain agensi Kerajaan bagi mengesan kesalahan lalu lintas dan pelanggaran syarat permit.

**1.5.3.** PTG dan PTD perlu menyeragam dan menyelaras kerja penguatkuasaan dengan mengemas kini *Standard Operating Procedures (SOP)* dan menimbang permohonan tambahan perjawatan bagi tugas-tugas kerja penguatkuasaan. Selain itu, kenderaan dan peralatan yang digunakan perlu berada dalam keadaan baik bagi melancarkan tugas penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

## **2. MAJLIS DAERAH KUBANG PASU**

### **MAJLIS DAERAH PENDANG**

#### **- Pengurusan Perolehan**

**2.1.** Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dilaksanakan sama ada secara terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Dana Majlis. Pada tahun 2012 hingga 2014, Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) dan Majlis Daerah Pendang (MDP) telah melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan masing-masing berjumlah RM30.72 juta dan RM11.61 juta. Peruntukan Kumpulan Wang Majlis MDKP adalah berjumlah RM26.88 juta atau 87.5% daripada jumlah perolehan, manakala bagi MDP adalah berjumlah RM5.64 juta atau 48.6%.



**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara umumnya pengurusan perolehan di MDKP dan MDP adalah baik dari aspek pematuhan tatacara perolehan iaitu lantikan jawatankuasa dan mematuhi tempoh sah laku tender/sebut harga yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan oleh PBT berkenaan adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Syarat perolehan melalui sebut harga tidak dipatuhi sepenuhnya.
- Perolehan tidak dirancang dengan teliti.
- Kerja yang telah siap tidak diselenggara dengan baik.

**2.3.** Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi wang awam yang dibelanjakan, Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Daerah Pendang adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut dengan segera:

**2.3.1.** Memastikan perolehan dirancang dengan teliti dan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

**2.3.2.** Memastikan kemudahan yang dibina atau dinaik taraf tidak terbiar dan dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat dengan sempurna.

**2.3.3.** Memastikan setiap perolehan kerja diselenggara dengan sempurna dan memastikan projek yang telah disiapkan sentiasa berada dalam keadaan yang terpelihara agar dapat digunakan oleh penduduk setempat.

### **3. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH**

#### **- Pengurusan Perolehan**

**3.1.** Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (Perbadanan) adalah sebuah Agensi yang ditubuhkan pada 25 Ogos 1965 di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Kedah No. 5/1965. Objektif penubuhannya adalah untuk membangunkan sosio ekonomi melalui pembasmian kemiskinan dan penyediaan peluang pekerjaan melalui penyediaan program pembangunan usahawan serta kemahiran dalam bidang-bidang keperluan industri. Perbadanan juga merupakan peneraju di dalam pembangunan ekonomi seperti aktiviti perladangan, hartanah, perindustrian, pelaburan dan pelancongan bagi Negeri Kedah. Pada tahun 2011 hingga bulan Jun 2014, Perbadanan telah melaksanakan 2,056 jenis perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja berjumlah RM55.68 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 2,042 perolehan bernilai RM31.73 juta telah dibiayai sendiri oleh Perbadanan manakala 14 perolehan bernilai RM23.95 juta dibiayai melalui dana Kerajaan Persekutuan.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati pada umumnya pengurusan perolehan adalah baik kerana memenuhi peraturan perolehan. Namun didapati beberapa projek yang telah siap masih belum beroperasi sepenuhnya.

**3.3.** Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Perbadanan adalah disyorkan memastikan perolehan yang dibuat dapat digunakan dan diurus dengan sempurna supaya mencapai matlamat yang ditetapkan dan mengelak pembaziran.



---

**AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI**

---



---

# **PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**

## **PEJABAT TANAH DAERAH PENDANG**

### **PEJABAT TANAH DAERAH SIK**

---

#### **1. PENGURUSAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN**

##### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Hasil royalti bahan batuan merupakan antara sumber hasil utama Kerajaan Negeri Kedah. Royalti dipungut oleh Pejabat Tanah berdasarkan kadar yang telah diluluskan mengikut kuantiti pemindahan bahan batuan dan galian. Mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965, bahan batuan adalah bermaksud apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang dan cengkerang. Selain itu, apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya, selain daripada bahan yang diiktirafkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlombongan pada masa peraturan itu berkuatkuasa. Negeri Kedah mempunyai 12 buah Pejabat Tanah di setiap Daerah bagi menguruskan pelbagai aktiviti berkaitan dengan pentadbiran tanah dan memungut hasil tanah seperti cukai tanah, premium tanah dan royalti bahan batuan.

**1.1.2.** Menurut Seksyen 70 Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan pengeluaran, pemindahan pengangkutan bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah bermilik, tanah lombong dan tanah rizab. Mana-mana individu atau badan boleh memohon permit untuk tujuan mengambil dan memindah bahan batuan ini. Hasil daripada pengeluaran permit ini, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) akan mengutip royalti berdasarkan kuantiti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan seperti yang ditetapkan dalam Aturan-Aturan Tanah Kedah Tahun 1966. Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah mengenai peraturan dan garis panduan pemberian permit pengeluaran bahan batuan dalam pentadbiran tanah Negeri diguna pakai merangkumi kuasa meluluskan permit, tempoh permit, pelanjutan tempoh permit, pengawalan pengeluaran bahan batuan, bayaran royalti dan deposit.

**1.1.3.** Bagi tempoh tahun 2011 hingga Ogos 2014, jumlah royalti pengeluaran bahan batuan bagi seluruh Negeri Kedah seperti di **Jadual 1.1** adalah berjumlah RM63.2 juta atau 15% berbanding jumlah cukai sewa tanah berulang yang berjumlah RM426.5 juta.

**Jadual 1.1**  
**Royalti Pengeluaran Bahan Batuan Bagi Tempoh 2011 Hingga Ogos 2014**

Bil.	Daerah	Tahun			
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1.	PTG	0.10	2.21	-	-
2.	Bandar Baharu	0.89	0.98	0.59	0.45
3.	Langkawi	3.48	3.68	3.99	2.16
4.	Yan	0.28	0.25	0.23	0.14
5.	Padang Terap	2.17	1.74	1.09	0.42
6.	Sik	1.75	1.94	2.14	1.06
7.	Pendang	1.73	2.16	1.88	0.91
8.	Pokok Sena	0.49	0.44	0.43	0.27
9.	Kota Setar	0.05	0.05	0.07	0.03
10.	Kuala Muda	1.42	1.39	1.17	0.67
11.	Kulim	3.18	3.11	2.94	1.48
12.	Kubang Pasu	1.08	1.09	0.92	0.53
13.	Baling	1.41	1.36	0.76	0.45
<b>Jumlah</b>		<b>18.03</b>	<b>20.40</b>	<b>16.21</b>	<b>8.57</b>

Sumber: Perbendaharaan Negeri Kedah

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran bahan batuan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aktiviti pengurusan pengeluaran bahan batuan bagi tahun 2011 hingga 2014. Pengauditan telah dijalankan di Unit Penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan 2 Pejabat Tanah Daerah iaitu Pejabat Tanah Daerah Sik dan Pendang. Semakan Audit terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dilaksanakan. Selain itu, lawatan ke beberapa tapak pengeluaran bahan batuan dilakukan bagi mendapat gambaran sebenar mengenai aktiviti tersebut dan pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah telah diadakan pada 6 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh Pentadbir Tanah Daerah Pendang dan Pentadbir Tanah Daerah Sik.

## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan di mana syarat-syarat permohonan dan kelulusan permit telah dipatuhi. Di samping itu, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah telah menubuhkan *One Stop Centre* (OSC) untuk memudah dan mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan permit melibatkan beberapa jabatan teknikal antaranya seperti Jabatan Pengaliran Dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

(MADA). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut yang memerlukan tindakan penambahbaikan dalam pengurusan pengeluaran bahan batuan:

- Pengeluaran premix tanpa kebenaran Pejabat Tanah berkaitan.
- Pelanggaran syarat-syarat permit.
- Pemantauan dan penguatkuasaan kurang berkesan.

#### 1.4.1. Pengeluaran Premix Tanpa Kebenaran Pejabat Tanah

1.4.1.1. Mengikut Seksyen 70 hingga 72 Kanun Tanah Negara 1965, kuasa untuk membenarkan pencabutan dan pemindahan bahan batuan, pengeluaran permit dan jangka masa, syarat-syarat serta bentuk-bentuk permit mengkehendaki setiap pengusaha kuari memohon permit bagi memindah bahan batuan kepada Pejabat Tanah Daerah berkenaan. Selain itu, sekiranya pengusaha kuari yang telah diluluskan permit ingin melantik operator lain untuk mengusahakan aktiviti pemindahan bahan batuan, Pejabat Tanah berkenaan perlu dimaklumkan mengenai lantikan operator ini. Mengikut rekod PTD Pendang dan Sik, terdapat 47 buah kuari di 2 Daerah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Bilangan Kuari Yang Aktif Bagi Tempoh 2011 hingga 2014**

Bil.	Daerah	Jenis Bahan Batuan	Bilangan Kuari			
			2011	2012	2013	2014
1.	Pendang	Tanah Merah	12	23	14	15
		Batu	4	4	4	4
		Bata	2	3	3	3
2.	Sik	Tanah Merah	4	5	8	5
		Batu	3	3	3	2
		Pasir Darat	7	10	15	14
		Pasir Sungai	6	5	7	4
<b>Jumlah</b>			<b>38</b>	<b>53</b>	<b>54</b>	<b>47</b>

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Pendang dan Pejabat Tanah Daerah Sik

1.4.1.2. Semakan Audit terhadap 13 sampel pengusaha kuari di Daerah Pendang mendapati satu pengusaha kuari yang diluluskan permit pemindahan bahan batuan di Lot PT 1644, Mukim Padang Peliang, Daerah Pendang, iaitu Kemelong Engineering Sdn. Bhd telah melantik Oscar Kuari Sdn. Bhd. sebagai operator bagi menjalankan kerja-kerja pemindahan bahan batuan. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit ke tapak kuari pada 15 Oktober 2014, mendapati satu lagi operator iaitu Megah Rancak Premix Sdn. Bhd. turut menjalankan operasi pengilangan premix. Semakan Audit selanjutnya mendapati kedudukan *stock pile* batu milik Oscar Kuari Sdn. Bhd. adalah bersebelahan dengan mesin memproses premix milik Megah Rancak Premix Sdn. Bhd. dan tiada pagar pemisah dibina di antara kawasan operasi kedua-dua operator tersebut. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya pemindahan bahan batuan di antara kedua-dua operator tersebut tanpa pembayaran royalti kepada Pejabat Tanah Daerah Pendang. Gambaran keseluruhan kawasan kuari adalah seperti **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.4**. **Mengikut maklum balas yang diterima pada 4 Januari 2015, Pejabat Tanah Daerah Pendang**


bersejua bahwa Kemelong Engineering Sdn. Bhd. sepatutnya memaklumkan kewujudan Megah Rancak Premix Sdn. Bhd. di tapak kuari berkenaan. Di samping itu, bagi memastikan tidak berlaku ketirisan hasil, pentadbiran Pejabat Tanah Daerah Pendang akan mengadakan perbincangan dan meneliti dokumen urusan jualan batu yang berlaku di antara kedua-dua operator berkenaan.

**Gambar 1.1**  
**Gambaran Keseluruhan Kuari**  
**Milik Kemelong Engineering Sdn. Bhd.**




Sumber: Google Earth  
Lokasi: Bukit Perak, Pendang  
Tarikh: 30 Januari 2014

**Gambar 1.2**  
**Pandangan Dekat Kuari**  
**Milik Kemelong Engineering Sdn. Bhd.**



Sumber: Google Earth  
Lokasi: Bukit Perak, Pendang  
Tarikh: 30 Januari 2014

**Gambar 1.3**  
**Kedudukan Stock Pile Bersebelahan Mesin**  
**Prosesan Premix**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuari Milik Kemelong Engineering Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**Gambar 1.4**  
**Laluan Masuk Berasingan Bagi Oscar Kuari**  
**Sdn. Bhd. dan Syarikat Megah Rancak**  
**Premix Sdn. Bhd.**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuari Milik Kemelong Engineering Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, kegagalan Pejabat Tanah Daerah Pendang menjalankan pemantauan secara berkala menyebabkan keadaan sebenar di tapak kuari tidak diketahui. Selain itu peraturan mengenai lantikan operator perlu diperkemas supaya pihak pentadbiran Pejabat Tanah sentiasa sedar kewujudan operator di tapak kuari.



## 1.4.2. Pelanggaran Syarat-syarat Permit

Mengikut syarat-syarat permit yang dikenakan bagi pengeluaran dan pemindahan bahan batuan, kenderaan yang digunakan hendaklah kenderaan yang diluluskan dan dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), semua roda lori hendaklah dipastikan bersih sebelum masuk ke jalan raya, pengusaha dikehendaki mengambil tindakan bagi mengadakan kawalan pencemaran habuk, keadaan dinding lori dalam keadaan yang memuaskan dan muatan tidak melebihi paras dinding lori, lori mempunyai satu pelekat yang diluluskan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah, mempunyai zon penamparan (*buffer zone*) dengan lot bersebelahan tidak kurang 30 kaki, memasang papan tanda "AWAS", "KAWASAN BAHAYA" dan papan tanda mengenai pemegang permit di tapak kuari.

### 1.4.2.1. Dinding Lori Telah Diubahsuai Dan Muatan Melebihi Paras Dinding

- a. Pengusaha kuari perlu memastikan keadaan dinding lori dalam keadaan yang memuaskan dan muatan tidak melebihi paras dinding lori. Lawatan Audit ke kuari di Daerah Pendang dan Sik mendapati lori yang membawa muatan telah diubah suai dindingnya bagi membolehkan bahan batu dapat dimuatkan melebihi had kuantiti yang ditetapkan dan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan seperti **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.8**. Tindakan ini boleh menyebabkan kerosakan kepada jalan raya kerana muatan yang berlebihan dan membahayakan pengguna jalan raya. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa perbincangan Unit Penguatkuasaan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri dan Pejabat Tanah Daerah dengan Jabatan Pengangkutan Jalan belum pernah diadakan bagi membincangkan isu mengenai pengusaha yang tidak mematuhi had kuantiti yang ditetapkan dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah Pendang bertarikh 4 Januari 2015 dan Pejabat Tanah Daerah Sik bertarikh 6 Januari 2015, tindakan penguatkuasaan perlu dilakukan secara bersepadu di antara semua Pejabat Tanah Daerah dengan Jabatan Pengangkutan Jalan yang mempunyai bidang kuasa dalam menguatkuasakan peruntukan Akta Pengangkutan Jalan berkenaan dengan pengubahsuaian dinding dan muatan melebihi paras dinding.**

**Gambar 1.5**  
**Dinding Lori Yang Diubahsuai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Pendang  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**Gambar 1.6**  
**Muatan Melebihi Paras Dinding Lori**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Pendang  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**Gambar 1.7**  
**Dinding Lori Yang Diubahsuai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Sik  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**Gambar 1.8**  
**Muatan Melebihi Paras Dinding Lori**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Daerah Sik  
Tarikh: 15 Oktober 2014

#### 1.4.2.2. Muatan Lori Tidak Sama Dengan Docket

- a. Mengikut buku doket, setiap lori yang mempunyai 6 tayar boleh membawa muatan sama ada 8 atau 11 meter padu. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa ke kuari tanah merah milik Boon Siew Enterprise di Daerah Pendang pada 15 Oktober 2014 mendapati buku doket bagi pengeluaran tanah merah hanya ditulis 6 meter padu seperti di **Gambar 1.9**. Berat muatan ini telah dipinda kepada 8 meter padu setelah mendapat teguran daripada pihak pegawai penguatkuasa. Tindakan pihak pengusaha kuari ini yang hanya merekodkan had muatan 6 meter padu menyebabkan Pejabat Tanah Daerah Pendang kehilangan hasil sebanyak 2 meter padu bagi setiap lori yang beroperasi sejak 10 November 2013. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah Pendang bertarikh 4 Januari 2015, Pejabat Tanah Daerah Pendang akan mengambil tindakan untuk menyemak senarai nombor pendaftaran lori dengan maklumat bilangan tayar lori dan maklumat muatan tanah merah. Ini bagi**

memudahkan pemantauan dan semakan penyata dan buku doket yang digunakan.

**Gambar 1.9**  
**Doket Yang Ditukar Jumlah (Meter Padu)**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Ayer Puteh, Pendang  
Tarikh: 15 Oktober 2014

#### 1.4.2.3. Tiada *Washing Bay* Dan Jalan Berdebu

- a. Lawatan Audit ke kuari tanah merah milik Perniagaan Kodika Sdn. Bhd. di Daerah Pendang mendapati tiada *washing bay* disediakan bagi mencuci tayar lori menyebabkan jalan kotor seperti di **Gambar 1.10** dan **Gambar 1.11**. Ini menyebabkan keadaan jalan dan persekitaran berdebu dan mencemarkan alam sekitar seperti di **Gambar 1.12**. Perkara ini berlaku disebabkan kurang pemantauan oleh Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan Pejabat Tanah Daerah. **Mengikut maklum balas yang diterima bertarikh 4 Januari 2015, Pejabat Tanah Daerah Pendang akan mengarahkan pihak pengusaha kuari untuk menyediakan *washing bay*. Pada ketika ini pengusaha kuari hanya menggunakan paip untuk mencuci jalan. Pejabat Tanah Daerah Pendang akan mengambil tindakan segera dengan memberhentikan sementara operasi kuari dan merampas deposit sekiranya terdapat aduan daripada orang ramai bagi kes jalan berdebu atau jalan kotor.**

**Gambar 1.10**  
**Kuari Yang Tidak Disediakan *Washing Bay***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Tobiar, Pendang  
Tarikh: 14 Oktober 2014

**Gambar 1.11**  
**Jalan Raya Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Tobiar, Pendang  
Tarikh: 14 Oktober 2014



**Gambar 1.12**  
**Jalan Berdebu Dan Berhabuk**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Tobiar, Pendang  
Tarikh: 14 Oktober 2014

#### 1.4.2.4. Tiada Zon Penamparan Dan Penandaan Sempadan

- a. Lawatan Audit ke kuari tanah merah milik Trio Kesuma Sdn. Bhd. di Daerah Sik mendapati tiada zon penamparan dengan lot bersebelahan dibuat mengikut syarat-syarat permit seperti di **Gambar 1.13** dan **Gambar 1.14**. Zon penamparan ini hendaklah tidak kurang dari 30 kaki dari lot bersebelahan. Ketiadaan zon penamparan di antara lot kuari bersebelahan akan menyebabkan kemungkinan berlakunya risiko tanah runtuh.

**Gambar 1.13**  
**Tiada Zon Penamparan Dengan Lot Bersebelahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Batu 2 Begia, Sik  
Tarikh: 16 Disember 2014

**Gambar 1.14**  
**Tiada Zon Penamparan Dengan Lot Bersebelahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Sungai Namek, Sik  
Tarikh: 16 Disember 2014

- b. Selanjutnya pihak Audit melakukan lawatan ke kuari pasir milik Sistem Cemerlang Sdn. Bhd., Nurul Ezza Binti Che Kaman dan Loh Hing Tong di Daerah Sik dan mendapati tiada penandaan sempadan zon penamparan dengan lot-lot bersebelahan seperti di **Gambar 1.15** dan **Gambar 1.16**. Ini akan menyukarkan pihak Pejabat Tanah Daerah Sik dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah untuk membuat pemantauan ke atas tapak kuari. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan batu sempadan di antara lot berkenaan. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah Sik bertarikh 6 Januari 2015, setiap permohonan yang diberi kelulusan disertakan dengan syarat-syarat kelulusan dan notis teguran dan amaran dikeluarkan dari semasa ke semasa terhadap**

kuari yang melanggar syarat. Bagi Daerah Sik, surat pentadbiran telah dikeluarkan kepada pemegang permit berkenaan pada 29 Disember 2014 dan laporan bergambar telah disediakan.

**Gambar 1.15**  
**Tiada Penandaan Sempadan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Lubok Kerong, Sik  
Tarikh: 15 Disember 2014

**Gambar 1.16**  
**Tiada Penandaan Sempadan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Lubok Kerong, Sik  
Tarikh: 15 Disember 2014

#### **1.4.2.5. Tiada Papan Tanda “AWAS”, “KAWASAN BAHAYA” dan Papan Tanda Pemegang Permit**

- a. Mengikut syarat permit yang dikenakan bagi pengeluaran dan pemindahan bahan batuan, pengusaha hendaklah memasang papan tanda “AWAS”, “KAWASAN BAHAYA” dan papan tanda mengenai pemegang permit di tapak kuari. Lawatan Audit ke tapak kuari di Daerah Pendang dan Sik mendapati pengusaha kuari tidak meletakkan papan tanda “AWAS”, “KAWASAN BAHAYA” dan papan tanda yang mengandungi maklumat lengkap mengenai pemegang permit sepertimana yang ditetapkan di dalam syarat-syarat permit seperti **Gambar 1.17**. **Mengikut maklum balas yang diterima bertarikh 4 Januari 2015, Pejabat Tanah Daerah Pendang akan memastikan pengusaha kuari memasang papan tanda AWAS, KAWASAN BAHAYA dan Papan Tanda Pemegang Permit dan akan mengambil tindakan sekiranya mereka gagal memasang papan tanda tersebut. Manakala, mengikut maklum balas bertarikh 6 Januari 2015, Pejabat Tanah Daerah Sik memaklumkan setiap permohonan yang diberi kelulusan disertakan dengan syarat-syarat kelulusan dan mengeluarkan notis teguran dan amaran dari masa ke semasa bagi kuari yang melanggar syarat. Notis teguran telah dihantar kepada pemegang permit pada 29 Disember 2014.**



**Gambar 1.17**  
**Keberanian Beroperasi Pada Hari Sabtu**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Charok Padang, Sik  
Tarikh: 15 Disember 2014

**Pada pendapat Audit, pihak Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan Pejabat Tanah Daerah perlulah memastikan syarat-syarat permit yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.**

### **1.4.3. Pemantauan Dan Penguatkuasaan Kurang Berkesan**

**1.4.3.1.** Unit Penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan Pejabat Tanah Daerah bertanggungjawab menjalankan tugas pemantauan dan penguatkuasaan di seluruh Negeri Kedah berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965, Aturan-Aturan Tanah Kedah 1966 dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman. Unit Penguatkuasaan, Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan Pejabat Tanah Daerah boleh menahan dan memeriksa lori dan jika berlaku pelanggaran syarat permit, tindakan merampas deposit boleh dibuat. Selain itu, menurut Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965, pegawai penguatkuasa yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri juga boleh menahan mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan, merampas, memusnahkan dan pelucutan hak apa-apa barang yang dirampas.

**1.4.3.2.** Semakan Audit mendapati Unit Penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan Pejabat Tanah Daerah telah melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berjadual setiap bulan. Walau bagaimanapun, pemantauan dan penguatkuasaan ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh serta kurang berkesan terhadap semua kuari aktif sehingga berlaku pelanggaran syarat permit disebabkan beberapa kekangan seperti berikut:

#### **a. Kekurangan Pegawai Dan Beban Kerja Lain**

- i. Unit Penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah mempunyai 20 orang pegawai diketuai oleh Penolong Pengarah Tanah (N44) sementara Pejabat Tanah Daerah Sik mempunyai 9 orang pegawai dan Pejabat Tanah Pendang hanya mempunyai 5 orang pegawai sahaja untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Bilangan Pegawai Di Unit Penguatkuasaan**

Bil.	Jawatan	PTG	Pejabat Tanah Daerah Pendang	Pejabat Tanah Daerah Sik
1.	Pen.Pengarah Tanah dan Galian (N44)	1	-	-
2.	Pen.Pegawai Tanah (NT32)	1	1	1
3.	Pen.Pegawai Tanah(NT27)	8	5	8
4.	Pembantu Tadbir(N17)	-	1	-
5.	Pembantu Tadbir(N17) Sementara	1	-	-
6.	Pemandu(R10)	1	-	-
7.	Pekerja Awam(R4)	6	-	-
8.	Pekerja Awam(R1)	2	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>7</b>	<b>9</b>

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah, Pejabat Tanah Daerah Pendang dan Pejabat Tanah Daerah Sik

- ii. Hasil semakan Audit mendapati terdapat 208 buah kuari yang masih aktif beroperasi di seluruh Negeri Kedah. Keadaan ini menyebabkan Unit Penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah tidak mampu untuk menjalankan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan bagi aktiviti pengeluaran bahan batuan secara menyeluruh dan berkesan. Unit Penguatkuasaan juga mempunyai beban kerja lain seperti kawalan dan pengawasan terhadap penggunaan tanah yang telah dilupuskan, menjalankan operasi bersepadu bersama Pejabat Tanah Daerah dan Agensi lain, mengambil tindakan undang-undang berdasarkan Seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara 1965, menyediakan laporan untuk tindakan lanjut bagi setiap operasi, bertanggungjawab dalam penangkapan dan penyediaan 'charge sheet' sehingga kes dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan, membuat pemeriksaan dan laporan ke atas aduan-aduan awam berkaitan pencerobohan tanah Kerajaan, pengeluaran bahan batuan atau apa-apa kesan daripada aktiviti pengeluaran bahan batuan di seluruh Negeri Kedah.
  
- iii. Unit Penguatkuasaan, Pejabat Tanah Daerah Pendang dan Sik tidak dapat menumpukan sepenuhnya terhadap tugas pemantauan dan penguatkuasaan kerana mempunyai beban tugas yang lain antaranya seperti menjalankan siasatan terhadap permohonan tukar syarat tanah, pecah bahagian, rizab, lanjut tempoh pajakan dan juga kes-kes pencerobohan haram. Sekiranya terdapat kes, unit ini juga terpaksa menyediakan kertas laporan, kertas siasatan, laporan pemantauan dan sebagainya.
  
- iv. **Mengikut maklum balas yang diterima pada 6 Januari 2015, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah bersetuju dengan teguran ini. Jumlah anggota yang sedia ada dilihat tidak mampu untuk membuat pemantauan secara menyeluruh ke atas semua Daerah di Negeri Kedah memandangkan kawasan pemantauan dilihat amat luas berbanding dengan bilangan anggota. Walau bagaimanapun, anggota unit penguatkuasaan**

sentiasa berusaha membuat pemantauan setakat yang mampu dalam menangani masalah serta isu-isu yang berbangkit.

**b. Kenderaan Unit Penguatkuasaan Tidak Ekonomik Digunakan**

- i. Unit Penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah mempunyai 2 buah kenderaan pacuan 4 roda jenis Mitsubishi Pajero bagi menjalankan kerja penguatkuasaan di seluruh Negeri Kedah. Kenderaan tersebut yang dibeli tahun 1994 (KAF2000) telah mencatat bacaan odometer 341,871km dan KBC1919 yang dibeli tahun 2000 dan telah mencatat bacaan odometer 257,916km seperti **Gambar 1.18** dan **Gambar 1.19**. Kenderaan tersebut didapati tidak ekonomik untuk digunakan kerana usia kenderaan sudah melebihi 10 tahun dan sering rosak. Butiran penyenggaraan bagi kedua-dua kenderaan adalah seperti di **Jadual 1.4**. Ini menyebabkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dilakukan dengan berkesan memandangkan kenderaan terbabit mempunyai masalah teknikal yang melambatkan operasi pemantauan dan penguatkuasaan.

**Gambar 1.18**  
Kenderaan PTG Yang Uzur



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PTG Kedah  
Tarikh: 23 Disember 2014

**Gambar 1.19**  
Kenderaan PTG Yang Uzur



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PTG Kedah  
Tarikh: 23 Disember 2014

**Jadual 1.4**  
**Senarai Baucar Bayaran Bagi Penyenggaraan Kenderaan**

Bil.	No. Baucar	Tarikh Baucar	Perihal	Kos (RM)
1.	V0000511	11.06.2013	Penyenggaraan KAF2000	1,737
2.	V0000993	10.10.2013	Penyenggaraan KAF2000	905
3.	V0000498	26.05.2014	Penyenggaraan KAF2000	1,122
4.	V0001285	21.10.2014	Penyenggaraan KAF2000	1,811
<b>Jumlah</b>				<b>5,575</b>
5.	V0000195	07.03.2013	Penyenggaraan KBC1919	1,428
6.	V0000760	06.08.2013	Penyenggaraan KBC1919	317
7.	V0000493	28.05.2014	Penyenggaraan KBC1919	1,085
8.	V0001642	16.12.2014	Penyenggaraan KBC1919	753
<b>Jumlah</b>				<b>3,583</b>

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah



- ii. **Mengikut maklum balas yang diterima pada 6 Januari 2015, Unit Penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah tidak menafikan bahawa kenderaan yang digunakan telah uzur dan dilihat kurang sesuai digunakan untuk menjalankan pemantauan di mana kawasan operasi yang begitu luas di seluruh Negeri Kedah.**

**Pada pendapat Audit, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan Pejabat Tanah Daerah tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan dengan berkesan kerana kekurangan pegawai dan beban kerja lain serta keadaan kenderaan yang uzur.**

## **1.5. SYOR AUDIT**

Pengurusan pengeluaran bahan batuan perlu dipertingkatkan dan diambil tindakan penambahbaikan dengan lebih berkesan. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah (PTG) serta Pejabat Tanah Daerah (PTD) Pendang dan Sik adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** PTG dan PTD perlu memastikan agar semua syarat-syarat permit dipatuhi serta menetapkan kekerapan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara berkala di semua tapak kuari.

**1.5.2.** Melaksanakan operasi bersepadu sekatan jalan raya secara berkala bersama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan lain-lain agensi Kerajaan bagi mengesan kesalahan lalu lintas dan pelanggaran syarat permit.

**1.5.3.** PTG dan PTD perlu menyeragam dan menyelaras kerja penguatkuasaan dengan mengemas kini *Standard Operating Procedure (SOP)* dan menimbang permohonan tambahan perjawatan bagi tugas-tugas kerja penguatkuasaan. Selain itu, kenderaan dan peralatan yang digunakan perlu berada dalam keadaan baik bagi melancarkan tugas penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

## MAJLIS DAERAH KUBANG PASU MAJLIS DAERAH PENDANG

### 2. PENGURUSAN PEROLEHAN

#### 2.1. LATAR BELAKANG

**2.1.1.** Tatacara perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dilaksanakan sama ada secara terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah diperolehi daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

**2.1.2.** Pada tahun 2012 hingga 2014, Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) dan Majlis Daerah Pendang (MDP) telah melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan perbelanjaan masing-masing berjumlah RM30.72 juta dan RM11.61 juta. Peruntukan Kumpulan Wang Majlis MDKP adalah berjumlah RM26.88 juta atau 87.5% daripada jumlah perolehan, manakala bagi MDP adalah berjumlah RM5.64 juta atau 48.6%. Perolehan MDKP dan MDP bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Perolehan Majlis Daerah Kubang Pasu Dan Majlis Daerah Pendang**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Sumber Peruntukan			Jumlah Perolehan (RM Juta)
	Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Kerajaan Negeri (RM Juta)	Kumpulan Wang Majlis (RM Juta)	
<b>Majlis Daerah Kubang Pasu</b>				
2012	1.33	0.23	5.64	7.20
2013	0.42	0.45	7.45	8.32
2014	0.92	0.49	13.79	15.20
<b>Jumlah</b>	<b>2.67</b>	<b>1.17</b>	<b>26.88</b>	<b>30.72</b>
<b>Majlis Daerah Pendang</b>				
2012	1.12	0.50	1.45	3.07
2013	1.70	0.60	2.50	4.80
2014	1.60	0.45	1.69	3.74
<b>Jumlah</b>	<b>4.42</b>	<b>1.55</b>	<b>5.64</b>	<b>11.61</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>7.09</b>	<b>2.72</b>	<b>32.52</b>	<b>42.33</b>

Sumber: Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Daerah Pendang

**2.1.3.** Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, jumlah keseluruhan perbelanjaan oleh MDKP dan MDP masing-masing adalah berjumlah RM52.4 juta dan RM18.72 juta. Manakala perbelanjaan perolehan MDKP bagi tempoh yang sama adalah masing-masing berjumlah

RM5.64 juta atau 33.6%, RM7.45 juta atau 44.1% dan RM13.79 juta atau 73.7%. Perbelanjaan perolehan MDP pula bagi tempoh yang sama adalah masing-masing berjumlah RM1.45 juta atau 25.6%, RM2.5 juta atau 41.5% dan RM1.69 juta atau 24%. Perbandingan jumlah perbelanjaan keseluruhan dan perbelanjaan berkaitan perolehan adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Perbandingan Perbelanjaan Keseluruhan Dan Perbelanjaan Berkaitan Perolehan Di Majlis Daerah Kubang Pasu Dan Majlis Daerah Pendang Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Perbelanjaan Keseluruhan (RM Juta)	Perbelanjaan Berkaitan Perolehan (RM Juta)	Peratus (%)
<b>Majlis Daerah Kubang Pasu</b>			
2012	16.80	5.64	33.6
2013	16.90	7.45	44.1
2014	18.70	13.79	73.7
<b>Jumlah</b>	<b>52.40</b>	<b>26.88</b>	<b>51.3</b>
<b>Majlis Daerah Pendang</b>			
2012	5.67	1.45	25.6
2013	6.02	2.50	41.5
2014	7.03	1.69	24.0
<b>Jumlah</b>	<b>18.72</b>	<b>5.64</b>	<b>30.1</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>71.12</b>	<b>32.52</b>	<b>45.7</b>

Sumber: Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Daerah Pendang

**2.1.4.** Pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan iaitu pembelian terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Bilangan Dan Jumlah Perolehan Di Majlis Daerah Kubang Pasu Dan Majlis Daerah Pendang Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah	
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
<b>Majlis Daerah Kubang Pasu</b>								
2012	926	5.64	16	1.56	-	-	942	7.20
2013	971	7.65	19	0.67	-	-	990	8.32
2014	754	7.43	17	2.23	2	5.54	773	15.20
<b>Jumlah</b>	<b>2,651</b>	<b>20.72</b>	<b>52</b>	<b>4.46</b>	<b>2</b>	<b>5.54</b>	<b>2,705</b>	<b>30.72</b>
<b>Majlis Daerah Pendang</b>								
2012	451	1.47	14	1.60	-	-	465	3.07
2013	369	2.69	25	2.11	-	-	394	4.80
2014	466	2.20	21	1.44	1	0.10	488	3.74
<b>Jumlah</b>	<b>1,286</b>	<b>6.36</b>	<b>60</b>	<b>5.15</b>	<b>1</b>	<b>0.10</b>	<b>1,347</b>	<b>11.61</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>3,937</b>	<b>27.08</b>	<b>112</b>	<b>9.61</b>	<b>3</b>	<b>5.64</b>	<b>4,052</b>	<b>42.33</b>

Sumber: Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Daerah Pendang

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dirancang serta diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan di Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) dan Majlis Daerah Pendang (MDP) bagi tahun 2012 hingga Jun 2014. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen untuk setiap perolehan yang dipilih serta membuat analisis terhadap data. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai MDKP dan MDP ke tapak projek yang dipilih telah diadakan. Temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas. *Exit Conference* bersama Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Daerah Pendang telah diadakan pada 5 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan dan Unit Audit Dalam).

### **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara umumnya pengurusan perolehan di MDKP dan MDP adalah baik dari aspek pematuhan tatacara perolehan iaitu lantikan jawatankuasa dan mematuhi tempoh sah laku tender/sebut harga yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan oleh PBT berkenaan adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Syarat perolehan melalui sebut harga tidak dipatuhi sepenuhnya.
- Perolehan tidak dirancang dengan teliti.
- Kerja yang telah siap tidak diselenggara dengan baik.

#### **2.4.1. Pengurusan Perolehan**

Semua perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui kaedah tender, sebut harga dan pembelian terus berdasarkan had nilai yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan di MDKP dan MDP mendapati:

##### **2.4.1.1. Perolehan Secara Tender**

###### **a. Prosedur Perolehan Secara Tender**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender. Semakan Audit mendapati MDP tidak mempunyai perolehan yang dilaksanakan melalui tender bagi tahun 2012 hingga bulan Jun 2014. Manakala, MDKP telah menawarkan satu tender pada tahun 2013 iaitu cadangan membina dan menyiapkan sebuah bazar 2 tingkat di atas tanah milik MDKP di Bukit Kayu Hitam. MDKP telah melantik sebuah firma Arkitek sebagai perunding untuk projek ini. Projek ini dibiayai

daripada peruntukan MDPK melalui bayaran pampasan ke atas pengambilan balik tanah MDPK oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sebanyak 25 tawaran telah diterima dan Laporan Penilaian Tender telah disediakan oleh pihak perunding. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pembuka Tender dan Jawatankuasa Penilaian Tender telah dilantik mengikut prosedur yang ditetapkan. Tawaran tender telah diputuskan di dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Kedah Bil. 1/2014 dengan kos berjumlah RM4.54 juta dan siap dalam tempoh 48 minggu. Projek ini telah diserahkan kepada kontraktor pada 27 Februari 2014 dan tarikh jangka siap pada 28 Januari 2015.

**b. Bayaran Kemajuan Kerja Melebihi Bilangan Yang Ditetapkan**

Pentadbiran Kontrak Bil. 4 Tahun 2013 menetapkan bayaran kemajuan kepada kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja boleh dibayar hingga 3 bayaran kemajuan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan dan sebelum perjanjian ditandatangani. Bayaran kemajuan yang seterusnya hanya akan dibuat selepas perjanjian kontrak ditandatangani. Semakan Audit mendapati MDPK telah membuat 4 bayaran interim berjumlah RM0.84 juta kepada pihak kontraktor sebelum perjanjian ditandatangani pada 12 November 2014. Bayaran kemajuan kali ke-4 berjumlah RM0.25 juta adalah tidak selaras dengan peraturan kerana telah dibayar melebihi 3 kali bayaran kemajuan yang dibenarkan. Bayaran interim kepada pihak kontraktor adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Bayaran Interim**  
**Bagi Projek Pembinaan Bazar 2 Tingkat Di Bukit Kayu Hitam**

No. Bayaran Interim	Tarikh Baucar	Tarikh Bayaran	Jumlah (RM Juta)
1.	01.05.2014	03.06.2014	0.26
2.	09.07.2014	16.07.2014	0.19
3.	23.07.2014	24.07.2014	0.14
4.	26.08.2014	01.09.2014	0.25
5.	17.11.2014	19.11.2014	0.32
<b>Jumlah</b>			<b>1.16</b>

Sumber: Majlis Daerah Kubang Pasu

**c.** Lawatan Audit ke tapak projek pada 29 September 2014 bersama pegawai MDPK mendapati kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan. Semakan ke atas minit mesyuarat tapak kali ke-10 pada bulan November 2014 mendapati kemajuan kerja adalah sebanyak 46.1% iaitu lewat 14.8% daripada perancangan yang sepatutnya sebanyak 60.9%. Sehingga bulan November 2014, bayaran interim yang telah dibayar adalah berjumlah RM1.16 juta atau 25.6%. Kerja-kerja pembinaan adalah seperti di **Gambar 2.1**.



**Gambar 2.1**  
**Bangunan Bazar 2 Tingkat Yang Sedang**  
**Dalam Pembinaan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bukit Kayu Hitam  
Tarikh: 29 September 2014

- d. **Mengikut maklum balas MDKP bertarikh 5 Januari 2015, kelewatan kemajuan kerja adalah disebabkan oleh perubahan lokasi tapak dan keadaan cuaca yang tidak menentu dan sering hujan.**

#### **2.4.1.2. Perolehan Secara Sebut Harga**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai RM50,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Bagi memastikan pelaksanaan proses sebut harga dapat disempurnakan, beberapa perkara seperti tempoh masa pelawaan, penubuhan Jawatankuasa berkaitan, dokumen sebut harga yang lengkap dan lain-lain perlu dipatuhi. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 52 sebut harga berjumlah RM4.46 juta telah dilaksanakan di MDKP dan sebanyak 60 sebut harga berjumlah RM5.15 juta telah dilaksanakan di MDP. Semakan Audit terhadap 21 dan 50 sampel sebut harga di MDKP dan MDP mendapati:

- a. **Tiada Polisi Perlindungan Insurans Seperti Yang Disyaratkan Dalam Surat Setuju Terima**
  - i. Mengikut SST, kontraktor adalah dikehendaki menginsuranskan liabiliti yang berbangkit di sisi "*Common Law*" terhadap kecederaan diri, kematian seseorang atau kecederaan dan kerosakan harta benda yang berbangkit dalam masa pelaksanaan kerja di bawah polisi insurans tanggungan awam mengikut nilai kontrak yang ditetapkan. Manakala, kontraktor juga dikehendaki menginsuranskan kerja terhadap kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, petir, letupan, ribut, taufan, banjir, tanah runtuh, tangki air pecah atau melimpah, radas atau paip, kapal udara dan alat-alat udara lain atau artikel yang gugur dari kapal udara, rusuhan dan kekacauan awam di bawah polisi insurans kerja.
  - ii. Semakan Audit di MDKP mendapati 2 daripada 21 sebut harga yang berjumlah RM0.12 juta tidak mematuhi syarat SST kerana kontraktor tidak mengambil polisi insurans kerja dan mengambil insurans tanggungan awam kurang daripada jumlah yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Tiada Polisi Insurans Kerja Dan Insurans Tanggungan Awam Diambil Kurang Daripada Jumlah Yang Ditetapkan Bagi Sebut Harga Majlis Daerah Kubang Pasu**

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Syarat SST (Insurans)	Semakan Audit
1.	Menaik taraf Gerai Buah Di Pekan Jitra 2	73,996	PL - RM50,000 Kerja - RM73,996	PL - Hanya RM20,000 Kerja - Tidak Diambil
2.	Menaik taraf Jalan Perindustrian 2, Bandar Darul Aman	46,009	PL - RM25,000 Kerja - RM46,009	PL - RM25,000 Kerja - Tidak Diambil
<b>Jumlah</b>		<b>120,005</b>		

Sumber: Majlis Daerah Kubang Pasu

Nota: PL – Polisi Insurans Tanggungan Awam

Kerja – Polisi Insurans Kerja

- iii. Manakala semakan Audit di MDP mendapati 10 daripada 50 sampel sebut harga yang berjumlah RM0.43 juta tidak mengambil polisi insurans kerja seperti yang disyaratkan dalam SST tetapi sebaliknya mengambil polisi insurans tanggungan awam seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Senarai Projek Yang Sepatutnya Dilindungi Oleh Polisi Insurans Kerja Tetapi Sebaliknya Dilindungi Oleh Polisi Insurans Tanggungan Awam Bagi Sebut Harga Majlis Daerah Pendang**

Bil.	Bil. Sebut Harga	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Insuran Tanggungan Awam Yang Diambil (RM)
1.	2/2012	Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor di Stesen Bas Pendang	28,510	20,000
2.	1/2013	Menaik taraf sisi perparitan di hadapan rumah kedai Seberang Pendang	45,784	25,000
3.	6/2013	Menaik taraf Bangunan Orkid	47,690	25,000
4.	7/2013	Menaik taraf jalan di Kampung Tok Besah	45,048	20,000
5.	10/2013	Membekal dan memasang karpet di ruang pejabat Majlis Daerah Pendang	49,954	25,000
6.	18/2013	Menaik taraf jalan Seberang Pendang	46,750	25,000
7.	19/2013	Menaik taraf jalan di Taman Muhibbah	46,758	25,000
8.	28/2013	Menaik taraf jalan Taman Mawar	38,820	25,000
9.	11/2014	Menaik taraf bangunan Stesen Bas Pekan Kubur Panjang	47,465	25,000
10.	13/2014	Menaik taraf jalan di Kampung Haji Bunga	29,000	25,000
<b>Jumlah</b>			<b>425,779</b>	<b>240,000</b>

Sumber: Majlis Daerah Pendang

- iv. Semakan juga mendapati sebut harga Bil. 8/2012 bagi kerja menaik taraf gerai Kenanga di Pekan Pendang yang berjumlah RM191,382 telah diluluskan permohonan lanjutan masa daripada 12 Ogos 2012 kepada 30 September 2012 tetapi polisi insurans kerja yang bernilai RM191,382 yang tamat pada 12 Ogos

2012 tidak disambung kepada tarikh lanjutan masa yang diluluskan. Ini secara tidak langsung terbuka kepada risiko kerana kerja-kerja ini tidak mendapat perlindungan sekiranya berlaku apa-apa kejadian yang tidak diingini.

- v. **Mengikut maklum balas MDKP dan MDP bertarikh 5 Januari 2015, pihak Majlis akan memastikan perkara ini tidak akan berulang dan setiap kontraktor perlu mengambil polisi dan nilai perlindungan insurans seperti yang ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, Majlis perlu memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan memastikan kontraktor yang dipilih memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## 2.4.2. Perolehan Tidak Dirancang Dengan Teliti

### 2.4.2.1. Gerai Perniagaan Sementara, Bukit Kayu Hitam

- a. Garis Panduan Pengurusan Projek menyatakan untuk menguruskan sesebuah projek dengan baik, perancangan yang berkesan adalah meliputi penyediaan tapak projek, membina bangunan, membuat pendawaian elektrik dan menyediakan kemudahan asas yang mencukupi agar memberi keselesaan kepada pemilik. Semakan Audit mendapati bagi kerja-kerja membina tapak perniagaan sementara di Bukit Kayu Hitam yang telah dilaksanakan pada tahun 2012, MDKP telah menyediakan tapak penempatan sementara dan kemudahan asas di tapak tersebut. Oleh kerana tapak penempatan sementara yang didirikan khemah tidak dipersetujui oleh peniaga, pihak MDKP terpaksa menimbang semula kerja-kerja tambahan yang mengakibatkan kerja-kerja tersebut dijalankan secara berasingan melibatkan 4 sebut harga berjumlah RM669,535. Butiran kerja yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Perolehan Kerja Di Tapak Penempatan Sementara Bukit Kayu Hitam**

Bil.	Butiran Kerja	No. Inden/Tarikh	Jumlah (RM)
1.	Kerja Penyediaan Tapak Sementara Di Bukit Kayu Hitam	MDKP/K/SH(S)/01/2012 / 05.03.2012	187,103
2.	Membina Gerai Di Tapak Sementara Di Bukit Kayu Hitam	MDKP/K/SH(S)/8/2012 / 17.04.2012	187,000
3.	Membekal, Memasang Dan Membuat Pendawaian Elektrik Pada Gerai Di Tapak Penempatan Sementara Di Bukit Kayu Hitam	MDKP/K/SH(S)/15/2012 / 17.07.2012	169,656
4.	Membina Kemudahan Asas Dan Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya Di Tapak Sementara Di Bukit Kayu Hitam	MDKP/K/SH(S)/18/2012 / 13.08.2012	125,776
<b>Jumlah</b>			<b>669,535</b>

Sumber: Majlis Daerah Kubang Pasu



- b. **Mengikut maklum balas MDKP bertarikh 5 Januari 2015, setelah pihak KDN mengarahkan MDKP merobohkan gerai sedia ada sebelum 1 Julai 2012, maka MDKP mengambil langkah segera dengan menyediakan tapak dan khemah untuk peniaga di tempat penempatan sementara. Ekoran peniaga tidak bersetuju dengan khemah yang disediakan dan memohon bangunan yang lebih kukuh dan berbumbung, maka MDKP mengeluarkan sebut harga kedua. Bagi kerja-kerja pendawaian elektrik, sebut harga ketiga dikeluarkan kerana butiran kerja-kerja yang berbeza daripada sebut harga kedua. Selepas menduduki penempatan sementara tersebut, peniaga memohon agar disediakan kemudahan surau dan tandas untuk keselesaan pengunjung dan MDKP mengeluarkan sebut harga keempat. Ini mengakibatkan perbelanjaan tidak terancang di pihak Majlis yang memerlukan jumlah yang agak besar.**
- c. Selain itu, tapak ini juga turut menempatkan 60 buah gerai sementara sebelum pembinaan bangunan bazar 2 tingkat dengan kos RM4.54 juta yang terletak di belakang gerai sementara tersebut siap sepenuhnya menjelang awal tahun 2015. Lawatan Audit bersama pegawai MDKP mendapati kesemua gerai tersebut telah disewakan tetapi hanya 5 gerai sahaja yang beroperasi dan yang selebihnya tidak menjalankan perniagaan seperti di **Gambar 2.2**. Semakan juga dilakukan ke atas fail penyewa dan didapati perjanjian sewaan yang ditandatangani adalah selama 2 tahun iaitu bermula pada bulan Oktober 2013 hingga bulan September 2015 dengan kadar sewaan RM70 sebulan. Semakan dengan daftar sewa pula mendapati sehingga bulan Disember 2014, tunggakan sewaan berjumlah RM38,650 masih belum dijelaskan.



**Gambar 2.2**  
**Kedai Yang Tidak Beroperasi**  
**Di Sebelah Kiri Dan Kanan Lorong**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Gerai Peniaga Sementara,  
Bukit Kayu Hitam  
Tarikh: 29 September 2014

- d. **Mengikut maklum balas MDKP bertarikh 5 Januari 2015, pihak Majlis mengakui tidak semua penyewa gerai di tapak sementara Bukit Kayu Hitam menjalankan perniagaan. Bermula pada bulan Oktober 2014, Unit Ruang Niaga telah melakukan pemantauan berkala dan pihak Majlis telah mengeluarkan notis peringatan sewa bagi yang masih ingkar dan mempunyai tunggakan sewa. Tindakan susulan seperti mengeluarkan notis penamatan, notis pengosongan dan proses sitaan akan diambil kelak.**

#### 2.4.2.2. Bangunan Stesen Bas Pekan Kubur Panjang

Kerja menaik taraf bangunan stesen bas Pekan Kubur Panjang telah dilaksanakan melalui peruntukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan kerja telah dimulakan pada 19 Mei 2014 dan siap pada 16 Jun 2014 dengan kos RM47,465. Lawatan Audit bersama pegawai MDP pada 8 September 2014 mendapati stesen bas ini masih belum digunakan sebagai tempat perhentian bas. Temu bual dengan juru jual di gerai bersebelahan stesen bas ini memaklumkan tiada bas yang beroperasi di stesen ini sejak ianya siap dinaik taraf pada bulan Jun 2014. Temu bual juga dibuat dengan penyelia Syarikat Bas Maraliner juga memaklumkan perkhidmatan bas ke Pekan Kubur Panjang telah diberhentikan sejak tahun 2012 kerana tiada permintaan daripada penduduk setempat. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan MDP tidak menjalankan kajian awal di peringkat perancangan terhadap kesesuaian tapak. Bangunan stesen telah disiapkan tetapi tidak digunakan sebagai stesen bas sebaliknya dijadikan tapak meletak kenderaan seperti di **Gambar 2.3. Mengikut maklum balas MDP bertarikh 5 Januari 2015, pihak Majlis akan berusaha memohon agar syarikat pengusaha bas dapat menyediakan perkhidmatan bas kepada penduduk setempat atau berusaha mempelbagaikan kegunaan bangunan ini supaya dapat memberi manfaat kepada masyarakat di sekitarnya.**



**Gambar 2.3**  
**Stesen Bas Yang Dijadikan Tempat Meletak**  
**Kenderaan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pekan Kubur Panjang  
Tarikh: 8 September 2014

**Pada pendapat Audit, perancangan hendaklah dibuat dengan teliti serta perlulah seiring dengan keperluan semasa agar tujuan projek dilaksanakan tercapai dan kemudahan yang disediakan boleh dinikmati oleh penduduk setempat.**

#### 2.4.3. Perolehan Kerja Tidak Diselenggara Dengan Baik

**2.4.3.1.** Kerja menaik taraf tandas awam di stadium mini di Pekan Pendang dilaksanakan melalui peruntukan KPKT pada 14 Februari 2013 dan siap pada 12 Mei 2013. Kerja ini meliputi mengetuk, memecah, menanggal kesemua set tandas lama dan diganti dengan set tandas baharu serta memasang jubin. Kerja-kerja telah dijalankan dengan sempurna namun keadaannya tidak terjaga dan kotor. Semakan ke atas daftar penggunaan stadium mini ini mendapati pada tahun 2013 ianya digunakan sebanyak 35 kali manakala sehingga bulan Jun 2014 adalah sebanyak 2 kali dan kali terakhir digunakan pada bulan

April 2014. Pihak Audit difahamkan stadium ini tidak diselenggara dengan sempurna kerana tidak ada pekerja ditempatkan di sini secara sepenuh masa. **Mengikut maklum balas MDP bertarikh 5 Januari 2015, perkara ini cuba di atasi dan pekerja awam baru telah diambil bermula pada 2 November 2014 untuk menyelenggara kebersihan di stadium mini tersebut.**

**Pada pendapat Audit, Majlis perlu menjalankan pemantauan berkala agar setiap perolehan diurus dengan teratur dan terpelihara agar manfaatnya dapat dinikmati oleh penduduk setempat.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi wang awam yang dibelanjakan, Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Daerah Pendang adalah disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut dengan segera:

**2.5.1.** Memastikan perolehan dirancang dengan teliti dan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

**2.5.2.** Memastikan kemudahan yang dibina atau dinaik taraf tidak terbiar dan dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat dengan sempurna.

**2.5.3.** Memastikan setiap perolehan kerja diselenggara dengan sempurna dan memastikan projek yang telah disiapkan sentiasa berada dalam keadaan yang terpelihara agar dapat digunakan oleh penduduk setempat.

## PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

### 3. PENGURUSAN PEROLEHAN

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (Perbadanan) adalah sebuah Agensi yang ditubuhkan pada 25 Ogos 1965 di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Kedah No. 5/1965. Objektif penubuhannya adalah untuk membangunkan sosio ekonomi melalui pembasmian kemiskinan dan penyediaan peluang pekerjaan melalui penyediaan program pembangunan usahawan serta kemahiran dalam bidang-bidang keperluan industri. Perbadanan juga merupakan peneraju di dalam pembangunan ekonomi seperti aktiviti perladangan, hartanah, perindustrian, pelaburan dan pelancongan bagi Negeri Kedah.

**3.1.2.** Pada tahun 2011 hingga bulan Jun 2014, Perbadanan telah melaksanakan 2,056 jenis perolehan bekalan/perkhidmatan dan kerja berjumlah RM55.68 juta seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Perolehan Perbadanan Bagi Tempoh 2011 Sehingga Bulan Jun 2014**

Tahun	Jenis dan Jumlah Perolehan						Jumlah	
	Perolehan Terus		Sebut Harga		Tender			
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
2011	533	2.77	12	2.13	4	9.32	549	14.22
2012	618	3.01	9	1.21	2	10.17	629	14.39
2013	562	3.16	5	1.03	6	18.69	573	22.88
2014 (sehingga Jun)	299	1.79	5	1.70	1	0.70	305	4.19
<b>Jumlah</b>	<b>2,012</b>	<b>10.73</b>	<b>31</b>	<b>6.07</b>	<b>13</b>	<b>38.88</b>	<b>2,056</b>	<b>55.68</b>
<b>(%)</b>	<b>97.9</b>	<b>19.3</b>	<b>1.5</b>	<b>10.9</b>	<b>0.6</b>	<b>69.8</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

**3.1.3.** Bagi tempoh yang sama, sejumlah 2,042 perolehan bernilai RM31.73 juta telah dibiayai sendiri oleh Perbadanan manakala 14 perolehan bernilai RM23.95 juta dibiayai melalui dana Kerajaan Persekutuan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Kaedah Perolehan Dan Peruntukan Bagi Tahun 2011 Hingga Bulan Jun 2014**

Bil.	Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan Dan Peruntukan				Jumlah	
		Perbadanan		Persekutuan			
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
1.	Pembelian Terus	2,012	10.73	-	-	2,012	10.73
2.	Sebut Harga	23	4.13	8	1.94	31	6.07
3.	Tender	7	16.87	6	22.01	13	38.88
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,042</b>	<b>31.73</b>	<b>14</b>	<b>23.95</b>	<b>2,056</b>	<b>55.68</b>

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan/ perkhidmatan dan kerja telah dirancang serta diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai matlamat serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan pengurusan perolehan secara rundingan terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2011 hingga bulan Jun 2014. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta membuat analisis terhadap data. Sampel pengauditan yang dipilih untuk meneliti elemen pematuhan dalam tatacara perolehan adalah terdiri daripada 325 transaksi. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan lawatan tapak bersama-sama pegawai Perbadanan dibuat terhadap 27 perolehan yang terdiri daripada bekalan peralatan ICT, bekalan pejabat, penyenggaraan, kerja pembinaan, kerja naik taraf dan pembaikan. Asas pemilihan sampel adalah perolehan yang boleh diukur dan dinilai serta fokus kepada transaksi tahun 2013 dan 2014. Temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar Operasi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah telah diadakan pada 6 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh Pengurus The Regency Jerai Hill.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati pada umumnya pengurusan perolehan adalah baik kerana memenuhi peraturan perolehan. Namun didapati beberapa projek yang telah siap masih belum beroperasi sepenuhnya. Keterangan lanjut adalah seperti di dalam perenggan-perenggan berikut:

#### **3.4.1. Proses Perolehan**

##### **3.4.1.1. Pembelian Terus**

Perenggan 5 Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 12 Tahun 2007 (Had Nilai dan Syarat-syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan) menyatakan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab merancang pembelian terus tahunan dan memastikan pembelian terus tidak dipecah kecil untuk mengelak proses sebut harga atau tender. Selain itu, pembelian terus juga perlu dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan. Manakala Arahan Perbendaharaan (AP) 170 menyatakan perolehan bekalan bernilai RM50,000 hingga RM500,000 setahun perlu dipelawa secara sebut harga manakala AP 173.1 menetapkan perolehan bekalan bagi setiap jenis item sehingga RM50,000 setahun boleh dibuat secara pembelian terus. Semakan Audit terhadap 291 sampel pembelian terus di Perbadanan mendapati perolehan secara pembelian terus adalah teratur kecuali 2 pembelian terus bagi 20 unit kios dan kerja memasang papan tanda di SP Inn berjumlah RM0.16 juta tidak dilakukan secara sebut

harga. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Januari 2015, pihak pengurusan telah memberi persetujuan kepada anak syarikat milik Perbadanan supaya melakukan perolehan tersebut pada kadar segera dan keperluan yang mendesak.**

#### **3.4.1.2. Sebut Harga**

Mengikut SPP Bil. 5 Tahun 2009, perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Bagi memastikan pelaksanaan proses sebut harga tercapai, antara perkara seperti tempoh masa pelawaan, penubuhan Jawatankuasa berkaitan dan dokumen sebut harga yang lengkap perlu dipatuhi. Semakan Audit terhadap 31 sampel sebut harga mendapati proses perolehan secara sebut harga dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

#### **3.4.1.3. Tender**

Berdasarkan SPP Bil. 5 Tahun 2007, perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM500,000 hendaklah dibuat melalui tender. Bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2014, 13 tender bernilai RM38.88 juta dilaksanakan dan semakan Audit terhadap 3 sampel tender mendapati kaedah pelaksanaan tender adalah teratur.

**Pada pendapat Audit, pematuhan kepada peraturan perolehan Perbadanan adalah baik kerana secara keseluruhannya mematuhi peraturan yang ditetapkan.**

#### **3.4.2. Kemudahan Gerai Makan Di Gunung Jerai Belum Beroperasi Sepenuhnya**

Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Gunung Jerai, Kedah yang dibiayai oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia dengan kos berjumlah RM1.67 juta telah siap dibina pada 13 Mei 2013. Kemudahan yang disediakan adalah terdiri daripada 1 unit gerai cenderamata, 3 unit gerai makan, 1 unit tandas, laluan pejalan kaki, papan tanda dan tempat letak kenderaan. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 dan 9 Januari 2015 mendapati 3 unit gerai makan seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2** masih belum beroperasi sepenuhnya disebabkan faktor pengunjung bermusim. Perbadanan telah bersetuju agar pengurusan sewaan kemudahan tersebut diserahkan kepada The Regency Jerai Hill mulai bulan April 2014 dengan kadar bayaran RM300 sebulan. Pihak Perbadanan adalah disyorkan agar memantau penerimaan sewaan tersebut. **Berdasarkan Exit Conference bertarikh 6 Januari 2015, pihak The Regency Jerai Hill memaklumkan bahawa tawaran penyewaan telah dikeluarkan kepada penyewa.**

**Gambar 3.1**  
**Gerai Makan Yang Belum Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gunung Jerai, Kedah  
Tarikh: 13 Oktober 2014

**Gambar 3.2**  
**Gerai Makan Yang Belum Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gunung Jerai, Kedah  
Tarikh: 13 Oktober 2014

### **3.4.3. Projek Membina 12 Unit Premis Burung Walit, Kuala Ketil, Kedah Belum Dapat Dijual**

**3.4.3.1.** Projek yang dibina pada 2 Ogos 2011 siap sepenuhnya pada 2 November 2012 dengan dana pembiayaan oleh Perbadanan berjumlah RM3.35 juta seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**. Setiap lot premis burung walit dijual pada harga di antara RM0.42 juta hingga RM0.43 juta. Temu bual Audit dengan pegawai Perbadanan dan lawatan Audit pada 15 Oktober 2014 mendapati hanya 2 daripada 12 lot telah berjaya dijual. Bagaimanapun, premis tersebut masih belum beroperasi. Projek premis burung walit ini tidak mendapat sambutan disebabkan harga pasaran sarang burung walit yang rendah dan syarat ketat yang dikenakan oleh Kerajaan China kepada pengusaha burung walit bagi menjamin kualiti eksport produk.

**Gambar 3.3**  
**Premis Burung Walit**  
**Yang Belum Dapat Dijual**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Premis Burung Walit, Kuala Ketil, Baling  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**Gambar 3.4**  
**Premis Burung Walit**  
**Yang Belum Dapat Dijual**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Premis Burung Walit, Kuala Ketil, Baling  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**3.4.3.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Januari 2015, alternatif yang dijalankan bagi mengatasi masalah tersebut adalah meningkatkan promosi jualan premis melalui iklan di *website* dan papan iklan. Selain itu, pihak Perbadanan berharap beberapa rundingan antara Kerajaan Malaysia dan China yang telah dilakukan dapat memberi harapan agar produk burung walit dapat memasuki semula pasaran Negara China.**

### **3.4.4. Pusat Pengumpulan Produk Asas Tani Tidak Beroperasi**

**3.4.4.1.** Pusat Pengumpulan Produk Asas Tani, Sungai Petani telah siap dibina pada 14 Ogos 2011 melibatkan kos pembinaan berjumlah RM2.15 juta dengan pembiayaan dana oleh Perbadanan. Projek ini merupakan kemudahan yang disediakan kepada petani sebagai tempat pengumpulan hasil tani dan ternakan di Negeri Kedah di bawah satu bumbung supaya ianya dapat dipasarkan secara komersial dan sistematik. Pusat ini pada awalnya diuruskan oleh Kedah Agro Industries & Marketing Berhad bagi tempoh bulan Julai 2012 hingga Disember 2013. Bagaimanapun, operasinya ditutup dan diserahkan kepada Perbadanan pada bulan Mac 2014 disebabkan kegagalan hasil tanaman dikumpulkan di pusat ini. Lawatan Audit pada 15 Oktober 2014 mendapati keadaan dinding pusat pengumpulan yang telah rosak dan persekitarannya yang tidak terurus seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

**Gambar 3.5**  
**Pusat Pengumpulan Asas Tani**  
**Yang Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Lencongan Timur, Sg. Petani  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**Gambar 3.6**  
**Pusat Pengumpulan Asas Tani**  
**Yang Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Lencongan Timur, Sg. Sungai  
Tarikh: 15 Oktober 2014

**3.4.4.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Januari 2015, pihak pengurusan Perbadanan telah membuat keputusan untuk menjual tanah tapak pusat ini dan cadangan tersebut akan dikemukakan kepada Mesyuarat Ahli-ahli Perbadanan (Lembaga Pengarah) yang dijangka akan diadakan pada bulan Februari 2015.**



### 3.4.5. Jambatan Ladang Sungai Ular, Kulim Lewat Disiapkan

**3.4.5.1.** Pembinaan Jambatan di Ladang Sungai Ular, Kulim yang bernilai RM0.42 juta telah bermula pada 17 Mac 2013 dan sepatutnya siap pada 11 Ogos 2013. Semakan Audit mendapati projek ini tidak dapat disiapkan mengikut tempoh dalam kontrak asal disebabkan perubahan reka bentuk dan lokasi serta kerja berkaitan *turfing*, *crusher run* dan *premix*. Tempoh lanjutan masa selama 229 hari telah diberikan sehingga 28 Mac 2014 dan Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 29 Mac 2014. Tempoh tanggungan kecacatan yang diberikan adalah sehingga 29 September 2014. Lawatan ke tapak projek pada 8 September 2014 mendapati jambatan tersebut masih belum siap sepenuhnya kerana pembinaan *gabion* sebagai penghadang hakisan di kawasan tepi dan bawah jambatan yang belum selesai. Keadaan fizikal projek adalah seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**.

**Gambar 3.7**  
Kerja Pembinaan *Gabion*  
Yang Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Ular, Kulim  
Tarikh: 8 September 2014

**Gambar 3.8**  
Kerja Penurapan Jalan  
Yang Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Ular, Kulim  
Tarikh: 8 September 2014

**3.4.5.2.** Berdasarkan maklum balas bertarikh 4 Januari 2015 dan *Exit Conference* pada 6 Januari 2015, kerja-kerja pembinaan lapisan akhir jalan akan dilaksanakan setelah siap pembinaan *gabion* yang berfungsi sebagai penghalang hakisan sungai. Walau bagaimanapun, jambatan tersebut telah siap dan boleh digunakan oleh orang awam.

### 3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, Perbadanan adalah disyorkan memastikan perolehan yang dibuat dapat digunakan dan diurus dengan sempurna supaya mencapai matlamat yang ditetapkan dan mengelak pembaziran.





---

PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**20 Februari 2015**







---

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

Jabatan Audit Negara Malaysia  
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya